

22 SEP 2003

Syed Hamid-Iraq/I

STATUS IRAQ DALAM OIC JADI TANDA TANYA, KATA SYED HAMID

DOHA (QATAR), 22 Sept (Bernama) -- Status Iraq dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menjadi soalan penting yang sudah pasti bakal dibangkitkan pada sidang kemuncak akan datang walaupun ia bukan agenda rasmi, kata Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar di sini.

"Walaupun Iraq kini mempunyai kerajaan interim, ia masih dalam kawalan kuasa yang menduduki negara itu. Pada masa ini, sesetengah negara melihat ia sebagai "masa peralihan" dan bukannya sebagai negara bebas, sedangkan OIC dianggotai oleh negara yang bebas.

"Kita akan melihat bagaimana cara supaya tidak menafikan rakyat Iraq daripada kedudukan mereka, terutama sejak Liga Arab sudah mengambil keputusan (untuk menerima Majlis Pemerintahan yang dilantik Amerika)," katanya dalam satu temuramah di sini hari ini.

Beliau berkata demikian kepada Bernama selepas mengadakan pertemuan dengan Pengerusi OIC yang akan berundur Emir Qatar, Sheikh Hamad bin Khalifa al-Thani, dan mengadakan perbincangan dengan Menteri Luarnya, Ahmed bin Abdullah al-Mahmoud.

Syed Hamid berada di Doha selama sehari untuk menyampaikan sendiri surat jemputan dari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menjadi tuan rumah kepada sidang Kemuncak OIC ke-10, antara 11-18 Okt nanti di Pusat Persidangan Putrajaya.

Menurut Syed Hamid, Iraq telah menyatakan "minat" untuk menyertai persidangan OIC itu.

"Tapi bukan semua mengambil pandangan yang serupa mengenai kehadiran mereka," katanya.

Ditanya sekiranya wakil Iraq kini akan ditolak sekiranya mereka ingin mengambil tempat pada sidang kemuncak OIC, Syed Hamid berkata "Ada beberapa perkara berhubung prosedur yang boleh diambil, beberapa perkara teknikal yang boleh dilihat. Contohnya, ada jawatankuasa untuk melihat kelayakkan,

"Ia bukan soal menolak mereka. Jadi saya tidak mahu membuat spekulasi, kita akan melihatnya apabila tiba masanya," katanya.

Beliau berkata Malaysia juga menjemput Rusia, Filipina, Afrika Selatan dan Sri Lanka untuk menghadiri Sidang kemuncak sebagai pemerhati.

Syed Hamid tiba ke Doha dari Jeddah, di mana beliau menemui Timbalan Perdana Menteri Arab Saudi, Putera Abdullah bin Abdul Aziz al-Saud, yang juga telah mengesahkan kehadiran pada sidang OIC.

Sila layari juga www.bernama.com/oicsummit.

-- BERNAMA

LL RV AZH